

PLWS KEARAH PRODUKTIVITI LEBIH MAMPAN.

Productivity Linked Wage System (PLWS) telah diperkenalkan semenjak tahun 1996 setelah National Labour Advisory Council (NLAC) memperkenalkan reformasi gaji yang ingin melihat sistem upah konvensional yang hanya dikaitkan dengan senioriti di tukar kepada sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti. Semenjak itu Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah memainkan peranan penting mempromosikan PLWS dikalangan syarikat swasta melalui program-program Seminar, Bengkel dan Persidangan berkaitan PLWS bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan PLWS.

Setelah mengambilalih tugas promosi daripada bahagian Dasar KSM pada tahun 2006, JPPM telah menjalankan pelbagai aktiviti tambahan seperti mengadakan bengkel Pengamal PLWS, Simposium, Persidangan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa, mengwujudkan portal PLWS, Hari Anugerah PLWS, SME@U program dan kajian serta lain-lain aktiviti yang boleh meransang peningkatan jumlah majikan yang mengamalkan PLWS.

PLWS juga telah diberi penekanan penting dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK 10) dan Kesebelas (RMKe-11). Hal ini dinyatakan secara jelas dalam bidang fokus menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan memfokuskan kepada strategi menambah baik produktiviti buruh dan gaji melalui peralihan kepada pekerjaan berkemahiran tinggi. Hal ini boleh dicapai antara lain melalui peluasan pelaksanaan dan pengalaman PLWS oleh sektor swasta. Ini kerana PLWS dapat memastikan peningkatan gaji adalah seiring dengan peningkatan produktiviti yang lebih tinggi. Kerajaan juga menyasarkan sebanyak 85,000 buah syarikat akan menerima pakai PLWS menjelang tahun 2020 yang akan memberikan manfaat kepada 3.7 juta orang pekerja.

Kebaikan PLWS

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak faedah PLWS yang dinikmati oleh majikan dan pekerja. Secara asasnya, majikan akan menikmati peningkatan dari aspek produktiviti, prestasi dan juga keuntungan syarikat diantara 10% hingga 15%, manakala kepada pekerja akan berlaku peningkatan pendapatan lebih kurang 10%. Ini adalah berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat pada tahun 2013 bertajuk **PLWS towards high income economy oleh P.E Research.**

Semenjak itu PLWS telah menjadi sangat penting sehingga telah dijadikan KPI kepada YB Menteri Sumber Manusia. Setiap tahun JPPM telah diberi peruntukkan sebanyak RM1juta untuk menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan dengan itu PLWS perlu diteruskan dengan penambahbaikan dari aspek program promosi yang memberi **tumpuan kepada syarikat-syarikat SME dan juga dalam kelompok kecil supaya pemantauan dapat dibuat dengan lebih baik dan sistematik.**

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MPC (Productivity Report 2017/2018) secara asasnya berlaku peningkatan produktiviti buruh dari 3.5% pada tahun 2016 kepada 3.8% pada tahun 2017 iaitu dari RM 78,294 kepada RM 81,268. Faktor peningkatan produktiviti buruh ini adalah dipengaruhi sebahagiannya daripada sumbangan kepada peningkatan jumlah majikan yang telah melaksanakan PLWS dari aspek pendapatan pekerja dan keuntungan syarikat. Peningkatan pendapatan pekerja dan keuntungan syarikat ini secara langsung telah menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Apabila KDNK meningkat hasil daripada peningkatan upah dan keuntungan syarikat melalui amalan PLWS menyebabkan secara langsung berlaku peningkatan dalam produktiviti buruh.

Dengan itu secara praktikal, sememangnya PLWS boleh membantu dalam meningkatkan produktiviti buruh.